

Appendix A

Encik Hawazi Daipi: Tuan Pengerusi, pembangunan agama dan kepimpinan agama penting bagi kesejahteraan masyarakat, termasuk juga masyarakat Islam. Pendidikan nilai Islam dalam dunia yang berubah ini lebih-lebih lagi penting kerana ia boleh menjadi sauh yang boleh memantapkan keperibadian dan nilai kehidupan individu dan masyarakat. Pembangunan agama, termasuk pembangunan pendidikan dan kepimpinan agama, juga perlu untuk menyemai nilai-nilai yang betul berhubung dengan fahaman politik yang boleh memesongkan masyarakat kerana tindakan yang dianjurkan mungkin bertentangan dengan agama tetapi diselindungi sebagai bertujuan atas asas-asas agama. Dengan lain perkataan, kita ingin melihat pendidikan agama dipertingkatkan dan diperbaiki untuk memastikan kita boleh mengatasi cabaran-cabaran berhubung dengan penganasan.

Oleh itu, skim pengiktirafan asatizah adalah penting sebagai asas untuk memperakui kelayakan guru-guru agama kita. Dalam banyak kerjaya ataupun bidang yang lain, pengiktirafan dianggap sebagai satu unsur yang penting. Di sekolah, guru-guru kita diperakui dengan kelayakan oleh NIE dan kini, Kementerian Pendidikan menetapkan taraf kelayakan yang lebih tinggi : 5 kredit GCE peringkat 'O' bagi guru-guru yang mahu mengajar di peringkat pra-sekolah. Oleh itu, kita memerlukan taraf kelayakan dan perakuan yang lebih baik bagi guru-guru agama atau para asatizah kita.

Pendeknya, soalan saya ialah siapakah yang layak diiktiraf sebagai asatizah atau ustaz. Saya minta Menteri bertanggungjawab bagi Ehwat Islam untuk memaklumkan kita mengenai berapa ramaiakah guru yang telah diiktiraf dan bagaimana MUIS menyelia guru-guru agama yang tidak formal seperti guru-guru mengaji di rumah? Bagaimanakah MUIS memberikan peluang bagi asatizah untuk memperbaiki lagi kelayakan mereka melalui kursus-kursus latihan dan sebagainya? Dan bagaimana pula peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma yang dianjurkan bersama dengan Universiti Al-Azhar?